

Jangan emosional memilih pemimpin

BH 13 APR 2002

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, rakyat tidak harus emosional dalam memilih pemimpin kerana pemilihan yang dibuat ketika dipengaruhi kemarahan mendatangkan keburukan.

Perdana Menteri berkata, dalam sistem demokrasi, kadangkala rakyat memilih kerana mengikut perasaan dan emosi dan bukannya penilaian mengenai masa depan negara atau diri mereka.

"Mereka terpengaruh dengan kemarahan dan kebencian. Dengan itu mereka membuat pilihan tidak bijak. Oleh kerana marah kepada sesuatu pihak, mereka menolaknya dan memilih pihak yang tidak akan mendatangkan kebaikan kepada negara atau mereka."

"Itulah sebabnya kalau kita silap memilih, kita yang akan menjadi mangsa. Kita kena fikiran dengan tenang kerana ini membabitkan kehidupan kita yang sempurna. Kalau buat pemilihan kerana marah, terpengaruh dengan kepercayaan orang itu jahat, orang ini jahat, akhinya kita mungkin pilih yang tak baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pegawai clan kakitangan Kerajaan Persekutuan di Dewan Utama Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan

Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed dan Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Ramli Abdul Rahman.

Dr Mahathir berkata, kesilapan rakyat membuat keputusan menyebabkan sesebuah negara gagal dimajukan walaupun memiliki sistem demokrasi yang baik.

"Apa yang diperlukan bukan sistem demokrasi saja, tapi rakyat bijak yang tidak mudah dipengaruhi kebencian tidak berasas kerana tanpa rakyat terlatih, terpelajar dan cekap dalam membuat penilaian, maka sistem demokrasi mungkin membawa keburukan kepada sesebuah negara."

"Ada pihak Barat menganggap sistem demokrasi mesti diamalkan kerana ia baik, tetapi kita lihat ada negara tertentu semakin mundur dan huru-hara apabila sistem demokrasi dilaksanakan."

"Ini kerana rakyat tidak faham mengenai kegunaan demokrasi. Mereka anggap demokrasi memberi kebebasan kepada mereka membuat apa saja, berhak berdemonstrasi, menentang kerajaan, suarakan pendapat dengan bebas dan berhak gunakan media tanpa menghiraukan kesannya."

"Sama ada negara maju atau tidak, bergantung kepada kita yang memainkan peranan sebagai pemimpin politik, pentadbir dan orang biasa. Kalau tidak bijak, negara akan huru-hara dan kita menjadi mangsa," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, jentera pentadbiran perlu memahami fungsi dan tanggungjawabnya dalam melaksanakan arahan dengan baik

bagi membolehkan pembangunan negara berjalan lancar.

Sikap profesional, katanya, belum tentu menjamin kelicinan pentadbiran sekiranya pegawai tidak cekap, tidak terlatih dan tidak bertanggungjawab.

"Apabila jentera pentadbiran tidak profesional dan sebaliknya terbabit dengan politik atau berparti, kemungkinan pentadbiran tidak berjalan dengan licin dan kemajuan sukar dicapai," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, lebih RM1 bilion diperlukan setiap tahun bagi membayar gaji lebih 40,000 pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di Kelantan, berbanding hanya 5,000 yang bekerja dengan kerajaan negeri.

Selain itu, beliau berkata hampir RM3 bilion disalurkan setiap tahun bagi melaksanakan pembangunan di negeri itu, sekali gus membuktikan Kerajaan Pusat tidak pernah menganaktirikan sesiapa dari segi peruntukan pembangunan peringkat negeri.

"Kita beri peruntukan cukup. Yang penting perbelanjaan dibuat dengan baik untuk memanfaatkan rakyat kerana kita sedih melihat keadaan ramai rakyat Kelantan yang tidak memuaskan. Tidak sama dengan negeri lain."

"Kakitangan Kerajaan Pusat tentu membelanjakan wang mereka di Kelantan untuk kehidupan harian dan ini bermakna suntikan wang Kerajaan Pusat kepada negeri ini adalah besar. Tanpa suntikan, ekonomi Kelantan akan lebih buruk dari sekarang," katanya.